

Jika memandu seorang diri, kurangkan kesesakan lalu lintas

# Bayar masuk KL

UM - 29/1/2007

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

**KUALA LUMPUR** 28 Jan. - Orang ramai yang memandu secara bersendirian ketika memasuki pusat bandar raya ini mungkin dikenakan bayaran sebagai langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu negara.

Caj bayaran kesesakan yang sedang dalam kajian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu adalah bagi mengatasi masalah berkenaan yang sekian lama membelenggu Kuala Lumpur terutama pada waktu puncak.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique berkata, cadangan tersebut akan dibentang kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak terlebih dahulu untuk penelitian sebelum dibawa ke Kabinet.

"Caj itu masih di peringkat kajian dan DBKL akan menyerahkannya kepada Kementerian saya untuk diteliti semula. Selepas itu cadangan tersebut akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

"Cadangan mengenakan caj itu merupakan sesuatu yang baru dan penelitian yang sepenuhnya harus dibuat bagi mengelakkan timbul sebarang masalah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Keluarga UMNO Bahagian Setiawangsa di Taman Tasik Titiwangsa di sini, hari ini.

Pelaksanaan bayaran kesesakan itu yang dicadangkan oleh DBKL merupakan salah satu alternatif untuk mengurangkan masalah itu.

Mengikut peraturan itu, bayaran tidak akan dikenakan terhadap mereka yang berkongsi kereta ketika memasuki pusat bandar raya.

Zulhasnan yang juga Ketua UMNO Bahagian Setiawangsa berkata, yang pasti cadangan tersebut mempunyai kaitan dengan keberkesanan pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

"Ini adalah satu isu yang perlu diambil kira sekiranya kita mahu melaksanakan cadangan tersebut. Kita perlu menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, menurut beliau, syarikat pengangkutan Rapid KL dan

## Bayar masuk KL

syarikat monorel akan meluaskan operasi masing-masing pada pertengahan tahun ini.

"Dalam pertemuan baru-baru ini, pihak Rapid KL memberitahu saya, mereka akan meningkatkan jumlah bas manakala syarikat monorel mahu meluaskan lagi kawasan operasi-

nya.

"Ini merupakan salah satu cara untuk kita meningkatkan kecekapan dalam industri pengangkutan awam sekali gus ia dapat memberi keyakinan kepada orang ramai untuk menggunakannya," ujar beliau.

Menurut Zulhasnan, pihaknya ki-

ni dalam proses mengenal pasti kawasan berdekatan dengan pusat pengangkutan awam yang boleh dijadikan tempat meletak kenderaan.

Sementara itu Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru, Datuk Abdul Hakim Borhan ketika dihubungi berkata, DBKL akan mengan-

jurkan bengkel bagi mendapatkan maklum balas berhubung dengan cadangan tersebut.

"Langkah ini penting kerana kita mahu mendapatkan input penting daripada pelbagai pihak terhadap apa jua perkara yang berkaitan dengan cadangan tersebut," ujarnya.